

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM
[KUALA SELANGOR – BN UMNO]
TARIKH : 26 JULAI 2017
SOALAN : 32

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian bagi menghadapi serangan virus siber terkini iaitu dikenali 'GoldenEye' atau 'Petya' yang telah menjejaskan operasi syarikat minyak terbesar di Rusia, bank di Ukraine dan firma multinasional di Eropah serta New York.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman dan serangan siber melalui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP). Pelan ini yang dibangunkan berdasarkan kepada rangka kerja pengurusan risiko menggariskan strategi bagi mengurangkan kesan serangan siber dan tindakbalas yang perlu dilaksanakan oleh agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII) yang terdiri daripada agensi awam dan swasta. Pelan ini telah diterjemahkan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 24: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Siber Negara serta Prosedur Tindakbalas Komunikasi dan Penyelarasan Krisis Siber Negara.

Salah satu aktiviti utama yang digariskan di bawah Arahan MKN No. 24 adalah pelaksanaan Latih Amal Krisis Siber Negara (X-Maya) yang bertujuan untuk menguji keberkesanan prosedur dan membiasakan

(*familiarize*) agensi CNII dengan mekanisme pengendalian insiden siber serta meningkatkan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber. Latih Amal Krisis Siber Negara ke-6 (X-Maya 6) yang telah diadakan pada 7 – 9 Mac 2017 yang lalu turut menggunakan simulasi insiden serangan siber 'ransomware' untuk diuji kepada 92 agensi CNII yang menyertai latihan amal tersebut.

Pusat Kawalan dan Penyelarasan Siber Negara (National Cyber Coordination and Command Centre – NC4) di bawah Majlis Keselamatan Negara telah dan masih terus melaksanakan pemantauan kepada situasi ancaman serangan siber *NotPetya Ransomware* yang melanda beberapa buah negara baru-baru ini terutama di Eropah. NC4 telah mengedarkan nota peringatan (*advisory notes*) kepada agensi-agensi CNII supaya mengambil langkah-langkah perlindungan dan pencegahan bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman serangan siber ini. Pada masa ini tiada sebarang insiden yang dikesan atau dilaporkan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : **26 JULAI 2017 (RABU)**

SOALAN : **33**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) terus membiarkan pihak Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) mengizinkan MBI, iaitu satu syarikat "Money Games" haram yang sedang disiasat-kawal oleh Pihak-Pihak Berkuasa termasuk PDRM, untuk memasang papan iklan raksasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Apakah isyarat MAHB kepada orang awam sebenarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bertanggungjawab untuk mengawal selia perkara-perkara berhubung aspek-aspek ekonomi industri penerbangan awam. Dalam hubungan ini, MAVCOM tidak mengawalselia aktiviti pemasangan papan iklan di lapangan terbang dan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap syarikat berhubung pemasangan papan tanda iklan.

Buat masa ini, pihak MAHB telah memasuki satu perjanjian konsesi bersama syarikat Ivory Properties (selaku rakan promosi dengan MBI International) berhubung pemasangan papan tanda iklan MBI International. Memandangkan syarikat MAHB merupakan sebuah GLC yang juga merupakan sebuah syarikat awam yang tersenarai dalam Bursa Malaysia, MAHB tidak mendapatkan sebarang pandangan atau kelulusan daripada pihak Kementerian Pengangkutan sebelum memasuki apa-apa jenis perjanjian komersil dengan pihak ketiga berhubung dengan kontrak pengiklanan di lapangan terbang termasuk iklan MBI di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Dalam hubungan ini, pihak MAHB terikat dengan terma-terma kontrak dan tidak boleh menamatkan konsesi tersebut tanpa berlaku sebarang pelanggaran syarat kontrak. Sekiranya Mahkamah telah mensabitkan syarikat MBI dengan sebarang kesalahan di bawah mana undang-undang di Malaysia, pihak MAHB akan mengambil tindakan serta merta seperti

menurunkan iklan-iklan tersebut. Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan juga telah memberi peringatan kepada MAHB agar lebih berhati-hati dan membuat analisa yang menyeluruh sebelum memasuki apa-apa jenis perjanjian komersil pada masa hadapan.